

18 JUN 2003

Mahathir-Harakah/I

TIADA TINDAKAN TERHADAP HAKAKAH: DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kerajaan tidak akan mengambil tindakan terhadap akhbar Harakah, lidah rasmi PAS, yang menyiarkan lakaran karikatur beliau dalam keluaran 16-30 Jun.

Perdana Menteri berkata sebarang tindakan terhadap Harakah akan merendahkan tahap pemikiran kerajaan pimpinan Umno ke tahap penyokong PAS.

"Ya (tidak akan ambil tindakan). Kita dah timbang dan kita berpendapat bahawa kita tidak boleh turun ke tahap mereka. Orang ini biasa panggil tuhan samseng, dia kata tuhan mencarut jadi layaklah dia buat benda-benda macam tu, kalau kita tegur kat situ kita pula sama macam dia juga," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini.

Harakah, dalam keluaran terbarunya, menyiarkan karikatur menghina Perdana Menteri, dengan mengaitkan lakaran itu dengan masalah Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Lakaran bersebelahannya pula memaparkan karikatur seekor babi yang dikaitkan dengan Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS).

Banyak pemimpin Barisan Nasional (BN) yang tersinggung dengan kartun itu telah menggesa Kementerian Dalam Negeri membatalkan permit penerbitan akhbar tersebut.

Ditanya sama ada langkah kerajaan itu akan membawa kepada keadaan yang lebih buruk kerana akhbar itu telah berulang kali menghina beliau dan kepimpinan Umno, beliau berkata: "Kita tengoklah."

Ditanya adakah beliau menerima kenyataan maaf daripada Harakah, Dr Mahathir berkata beliau belum menerima sebarang kenyataan maaf dari akhbar itu.

"Saya belum mendengar sebarang permohonan maaf. Tak ada, bila dia minta maaf? Dia bagi tahu dekat surat khabar itu dia punya hal lah. Kita tak dapat apa-apa permohonan maaf pun," katanya.

Semalam, Harakah dalam satu kenyataan memutuskan untuk menarik balik penyiaran kartun itu.

Harakah juga memohon maaf kepada mana-mana pihak yang tersinggung dengan penyiaran lukisan itu.

-- BERNAMA

HS SHO KHY MOZ